UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PANDUAN PEMILIHAN JURNAL BERKUALITI

Disusun oleh:
Mazmin Mat Akhir
Azni Yantee Abdul Raoh
Md Nizam Azid
Hasdarinar Abdul Jalal

Reka bentuk dan Grafik:
Syed Mohd Helmi Syed Azmi

Bahagian Sistem dan Pengurusan Data
Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra
Universiti Malaysia Perlis

“Peranan yang digalas oleh penyelidik melampaui tanggungjawab menjalankan penyelidikan berimpak dan berintegriti. Penyelidik juga perlu memastikan bahawa penerbitan hasil penyelidikan ditemui dan dirujuk oleh masyarakat dan komuniti penyelidik melalui jurnal berwibawa.”

Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis

“Penyelidik perlu menilai kualiti penerbit dan jurnal bagi memastikan hasil penulisan ilmiah dan penemuan penyelidikan disebarluas secara berkesan kepada pemegang taruh penyelidikan.”

Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah
Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaysia Perlis

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SENARIO PENERBITAN ILMIAH

PANDUAN PEMILIHAN JURNAL BERKUALITI

JURNAL ILMIAH

Jurnal merupakan salah satu medium penerbitan ilmiah yang digunakan secara meluas oleh penyelidik seluruh dunia bagi menyebarluas hasil penyelidikan dalam pelbagai bidang. Jurnal mengandungi artikel ilmiah dan saintifik yang dihasilkan oleh penyelidik serta melalui proses kajian semula setara (*peer review*) oleh pakar bidang.

42,500
JUDUL JURNAL

10,000
PENERBIT

Sumber: *STM Report*, 2019

ARTIKEL JURNAL

Dianggarkan 3 juta artikel diterbitkan setiap tahun. Bilangan penerbitan artikel dilaporkan meningkat pada kadar 4% setiap tahun disebabkan oleh faktor peningkatan bilangan geran penyelidikan, peningkatan nilai peruntukan ke atas projek penyelidikan serta peningkatan bilangan penyelidik di seluruh dunia. Selain itu, faktor persekitaran dan model penerbitan baru telah menyumbang kepada peningkatan kekerapan penerbitan jurnal serta bilangan artikel yang diterbitkan (*Björk,* 2018).

2009

50,000,000
Artikel jurnal

2019

75,000,000
Artikel jurnal

2029

110,000,000
Artikel jurnal

PENERBIT

STM Report 2019 menganggarkan terdapat lebih daripada 10,000 penerbit di seluruh dunia dan bilangan ini semakin berkembang. Lebih daripada 5,000 (50%) penerbit dunia diliputi oleh pangkalan data sitasi *Scopus*. Dianggarkan 650 penerbit merupakan penerbit komersial dan badan profesional yang menghasilkan 11,550 jurnal dalam Bahasa Inggeris. Selebihnya, 480 penerbit dengan penghasilan 2,300 judul jurnal merupakan penerbit bukan komersial.

KATEGORI PENERBIT

Jurnal ilmiah global diterbitkan oleh sekurang-kurangnya empat (4) kategori penerbit seperti berikut:

- PENERBIT KOMERSIL
- PENERBIT UNIVERITI
- BADAN PROFESIONAL
- PERPUSTAKAAN

PENERBIT KOMERSIAL JURNAL BAHASA INGGERIS

STM Report 2018 menyenaraikan 10 penerbit komersil yang menerbitkan bilangan jurnal ilmiah dalam Bahasa Inggeris. Secara asasnya, penerbitan jurnal ilmiah tertinggi dalam Bahasa Inggeris dikuasai oleh *Springer Nature, Elsevier dan Wiley*.

PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL BERIMPAK

Jurnal berimpak merupakan jurnal yang berpengaruh di dalam sesuatu bidang perkara. Elemen pengaruh ini diukur melalui keupayaan menjana rujukan atau sitasi. Jurnal berimpak ini mempunyai indikator nilai faktor impak *(Impact Factor)*. Maklumat jurnal berimpak dilaporkan secara tahunan oleh *Journal Citation Reports* (JCR) terbitan *Clarivate Analytics*. Kajian menunjukkan penerbit komersial seperti *Elsevier*, *Springer Nature*, *Wiley* dan *Taylor & Francis* menghasilkan artikel jurnal berimpak tertinggi dengan bilangan purata di antara 75,000 sehingga 400,000 artikel setahun.

1 ELSEVIER

386,713

15,786,332

2 SPRINGER NATURE

239,346

7,086,565

3 WILEY

151,735

7,033,801

4 Taylor & Francis

74, 939

1,658,771

5 SAGE Publishing

37,833

1,181,297

6 OXFORD UNIVERSITY PRESS

34,616

2,249,682

7 ACS Publications

43,903

2,988,090

8 Wolters Kluwer

32,062

1,558,423

http://www.copyright.com/blog/eu-digital-single-market-copyright-directive-2019/

JURNAL AKSES TERBUKA

Jurnal akses terbuka bermatlamat meluaskan akses kepada maklumat dan hasil penyelidikan secara terbuka kepada komuniti global. Cabaran seperti kekangan bajet perolehan sumber ilmiah dan kenaikan kos langganan merupakan antara faktor penyumbang kepada model penerbitan akses terbuka. *Public Library of Science* (PLOS) merupakan antara penerbit jurnal akses terbuka pertama di dunia yang dilancarkan pada tahun 2002. Penerbitan jurnal akses terbuka terus berkembang dan melibatkan penerbit komersial seperti *Biomed Central (Springer Nature), Elsevier, Wiley, Frontiers, John Wiley & Sons.*

10 PENERBIT UTAMA JURNAL AKSES TERBUKA

1. *Springer Nature*
2. *Elsevier*
3. *Wiley*
4. *Frontiers*
5. *MDPI*
6. *PLOS*
7. *Hindawi*
8. *Informa PLC*
9. *Wolters Kluwer*
10. *Thieme*

KATEGORI JURNAL AKSES TERBUKA

Jurnal akses terbuka boleh dikelaskan kepada tiga (3) kategori meliputi *GOLD OPEN ACCESS, GREEN OPEN ACCESS* dan *HYBRID OPEN ACCESS*. Kategori ini akan menentukan tahap akses, kos penerbitan dan langganan yang ditetapkan oleh penerbit.





MODEL PENERBITAN AKSES TERBUKA

Model penerbitan akses terbuka yang dilaksanakan oleh penerbit dikelompokkan kepada empat (4) kategori meliputi *Gold APC, Gold No APC, Gold Hybrid* dan penerbitan berasaskan langganan. Model penerbitan ini tertumpu kepada tiga (3) elemen iaitu kenaan *APC* (*Article Publication Charges*), tajaan penerbitan oleh institusi atau pelabur dan tanggungan kos penerbitan melalui langganan.



BAYARAN PENERBITAN ARTIKEL (APC)

Article Processing Charges (APC) atau yuran penerbitan artikel merupakan bayaran perkhidmatan penerbitan yang ditanggung oleh institusi, penaja atau pengarang. Bayaran ini kebiasaannya ditetapkan oleh penerbit bagi menanggung kos perkhidmatan kajian setara (*peer review*), penerbitan jurnal, pengurusan hos dan arkib dalam talian. APC merupakan pendekatan inovatif bagi meluaskan penerbitan jurnal akses terbuka. Pengarang, institusi atau penaja akan dikenakan APC bagi setiap artikel yang diterbitkan.

POLA BAYARAN CAJ PENERBITAN (BEBERAPA PENELITIAN TERPILIH)

1 APC dan DOAJ

2/3 jurnal tersenarai dalam DOAJ mengenakan caj penerbitan (APC)
(Heather Morrison, 2015)

2 APC dan Bidang Penyelidikan

2/3 jurnal dalam bidang perubatan tidak mengenakan caj penerbitan (APC)
(Sumiko Asai, 2019)

3 APC dan liputan geografi

Jurnal Akses Terbuka (OA) yang diterbitkan di Amerika Latin, Timur Barat dan Eropah Timur tidak mengenakan APC sebaliknya ditaja dengan pelbagai pendekatan.
(Crawford, 2018)

PANGKALAN DATA SITASI

Pangkalan data sitasi merupakan sumber yang dibangunkan bagi menilai impak penerbitan. Ia mengandungi hasil penerbitan yang memenuhi piawaian kualiti yang ditetapkan. Ini meliputi jurnal, artikel jurnal, prosiding, kertas kerja prosiding, buku dan lain-lain. Pangkalan data sitasi menghubungkan pengguna dengan butiran sitasi penerbitan, impak sitasi dan impak penerbitan.





SCOPUS

Scopus merupakan pangkalan data sitasi terbesar yang mengindeks 40,804 sumber penerbitan meliputi buku bersiri (4%), jurnal (94%) dan jurnal perniagaan (2%). *Scopus* menyenaraikan sumber ini di dalam module *Source List* dan boleh dimuat turun oleh pengguna berdaftar. Sumber terkini yang diliputi oleh *Scopus* juga boleh dimuat turun pada laman *blog Scopus* dan laman Web *Elsevier*. *Scopus* juga mengandungi sumber tidak aktif (15,053) sumber yang telah diberhentikan penerbitan atau ditamatkan proses pengindeksan oleh *Scopus*.

40,804

Sumber diindeks oleh *SCOPUS*

1,594

Book Series

38,373

Journals

837

Trade Journals

25,751

Sumber aktif

15,053

Sumber tidak aktif

PENERBITAN AKTIF DI DALAM SCOPUS

Scopus merupakan pelantar sumber penilaian impak penyelidikan (*research evaluation*) yang terkemuka di dunia. Pangkalan data ini menawarkan liputan jurnal atau sumber yang lebih luas terutama dalam bidang sains sosial, perniagaan dan pengurusan. Berdasarkan perluasan liputan *Scopus,* sistem pemeringkatan dan penarafan pendidikan tinggi utama seperti THE dan QS menggunakan data penyelidikan dan penilaian impak penyelidikan yang ditawarkan oleh *Scopus*. Sehingga Februari 2021, *Scopus* menawarkan 25,751 sumber aktif dengan 61% merupakan sumber akses terbuka.

25,751

Sumber Aktif

15,750 (61%) merupakan **sumber akses terbuka** yang disenaraikan dalam DOAJ

9,961 (39%) bukan merupakan **sumber akses terbuka**

14,946 merupakan **jurnal akses terbuka** (DOAJ)

PENILAIAN SEMULA LIPUTAN KANDUNGAN SCOPUS

Scopus mempunyai polisi pemilihan dan pakar penilai antarabangsa bagi menetapkan kualiti liputan pengindeksan. *Scopus Content Selection and Advisory Board* (CSAB) dianggotai oleh kumpulan pakar saintis, penyelidik dan pustakawan antarabangsa yang mewakili bidang atau disiplin saintifik dan penyelidikan. Ahli lembaga penasihat berperanan menyediakan input terhadap kualiti liputan kandungan pangkalan data *Scopus*, perluasan kandungan dan penilaian judul yang dicadangkan untuk diindeks oleh *Scopus*. Dari masa ke semasa, *Scopus* juga menamatkan pengindeksan kepada sumber yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan. Ini meliputi sebarang isu penerbitan bagi sumber berkenaan.

BILANGAN JUDUL YANG DITAMATKAN PROSES PENGINDEKSAN OLEH *SCOPUS* (FEBRUARI 2021)



JURNAL AKSES TERBUKA

Jurnal akses terbuka merupakan model penerbitan yang semakin berkembang dan menjadi pilihan disebabkan oleh proses dan tempoh penerbitan yang lebih berdaya saing. Walau bagaimanapun, model penerbitan ini dikenal pasti menyumbang kepada perkembangan isu jurnal pemangsa atau *predatory journals*.

BILANGAN JURNAL AKSES TERBUKA DALAM SUMBER *WHITELIST DOAJ*, *CABELLS* DAN *ELSEVIER SCOPUS*



Pada tahun 2019, dianggarkan 20,000 judul Sumber Terbuka (*Open Access*) diterbitkan di seluruh dunia. Senarai putih (*whitelist*) jurnal akses terbuka di dalam DOAJ mengandungi 12,000 judul jurnal. Judul akses terbuka juga tersenarai dalam liputan hampir 12,000 judul di dalam *Cabell's Blacklist*. Penilaian berterusan ke atas kualiti liputan pangkalan data sitasi menunjukkan sejumlah 519 jurnal akses terbuka ditamatkan liputan oleh *Scopus*.

JURNAL PEMANGSA

Definisi jurnal pemangsa (*predatory journals*) dan penerbit pemangsa (*predatory publishers*) yang dipersetujui secara bersama merujuk kepada entiti yang mengutamakan kepentingan peribadi berbanding keilmuan dan kesarjanaan. Jurnal dan penerbit pemangsa melengkapi kriteria maklumat yang salah serta meragukan, menyimpang daripada amalan penerbitan berkualiti, tiada ketelusan dalam keamalan penerbitan yang penyimpangan dari amalan editorial dan penerbitan terbaik, kurangnya ketelusan dalam amalan penerbitan serta menggunakan pendekatan agresif dan bersifat diskriminasi (*Agnes Grudniewicz, et. al,* 2018).

IMPLIKASI JURNAL PEMANGSA

01 Persoalan kepada integriti dan kredibiliti penyelidikan

02 Ancaman kepada integriti dan kualiti penerbitan ilmiah

03 Reputasi penyelidik dan institusi penyelidikan

04 Kos penerbitan ilmiah

JURNAL AKSES TERBUKA DAN JURNAL PEMANGSA

Jurnal akses terbuka merupakan model penerbitan yang semakin berkembang dan menjadi pilihan disebabkan oleh proses dan tempoh penerbitan yang lebih berdaya saing. Walau bagaimanapun, model penerbitan akses terbuka ini dikatakan menyumbang kepada perkembangan isu jurnal pemangsa atau *predatory journals*. *Beal (2017)* membuat pemerhatian bahawa penerbit mengeksploitasi model *Gold Open Access* untuk mengaut keuntungan. Sebaliknya, nilai perkembangan keilmuan dan kesarjanaan diabaikan. Kajian oleh Walt Crawford menghasilkan liputan penerbitan artikel dalam Gold Open Access mengikut negara. Sepanjang tahun 2014-2019, Malaysia direkodkan menerbitkan 2,244 artikel dalam jurnal berkenaan.

GOLD OPEN ACCESS 2014-2019: PENERBITAN MALAYSIA

Sumber: *Crawford, Walt* (ORCID 0000-0002-4815-1997), *Gold Open Access* 2014-2019: *Articles in Journals* (GOA5), *Livermore, CA*: 2020.

JURNAL SAH DAN PEMANGSA MENGIKUT PERSPEKTIF *BEALL, CABELLS* DAN *DOAJ*

Grafik di bawah menunjukkan pertindihan bilangan jurnal pemangsa di antara penilaian yang dilaksanakan oleh *Cabell* dan *Beall*. *Cabell* menyenaraikan 10,406 jurnal pemangsa yang boleh diakses secara berbayar melalui pelantar dalam talian. Kajian ini juga menunjukkan terdapat 34 judul yang diterima oleh *DOAJ* dikategorikan sebagai jurnal pemangsa oleh *Cabell* dan *Beall*.



Sumber: *Michaela Strinzel et. al.* 2019

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PANDUAN PENERBITAN ILMIAH

PANDUAN PEMILIHAN JURNAL BERKUALITI

AMALAN TERBAIK DALAM PENERBITAN ILMIAH

Penerbit maklumat ilmiah menggalas tanggungjawab besar sebagai medium penyebaran hasil penyelidikan, penemuan baru, pemikiran baru yang bakal dimanfaatkan oleh komuniti penyelidik negara dan antarabangsa. Maklumat penyelidikan ini seterusnya membentuk kitaran dan rantaian hasil penemuan baru yang dihasilkan melalui penerbitan ilmiah di dalam jurnal serta kertas kerja persidangan. Sehubungan itu, penyelidik perlu memahami kaedah menilai kualiti penerbit sebelum memutuskan untuk menerbitkan artikel ilmiah melalui jurnal terbitan penerbit berkenaan. Beberapa organisasi dan institusi telah menghasilkan garis panduan kepada amalan terbaik penerbitan ilmiah.

COPE	*Committee on Publication Ethics* atau singkatannya COPE menyediakan pelantar latihan dan sokongan kepada penyunting dan penerbit bagi memenuhi piawaian etika penerbitan ilmiah.	https://publicationethics.org
OASPA	*Open Access Scholarly Publishing Association* atau singkatannya OASPA mewakili pelbagai komuniti dan organisasi yang terlibat di dalam *Open Scholarship* bagi menjayakan model penerbitan akses terbuka.	https://oaspa.org/
WAME	*World Association of Medical Editors* atau singkatannya WAME merupakan organisasi yang berperanan sebagai pelantar perkongsian maklumat, kerjasama dan latihan kepada penyunting jurnal dalam bidang perubatan.	https://www.wame.org/

SUMBER SEMAKAN JURNAL ILMIAH BERKUALITI

Penyelidik menyasarkan jurnal berkualiti sebagai medium penerbitan hasil penyelidikan untuk disebarluas kepada komuniti penyelidik global. Jurnal berkualiti mempunyai metrik penilaian impak berasaskan sitasi. Ini meliputi nilai faktor impak (*Impact Factor*), *CiteScore* dan *Source-Normalized Impact Per Paper (SNIP)*. Selain itu, terdapat sumber penarafan jurnal dan pangkalan data sitasi yang menetapkan piawaian kualiti jurnal ilmiah untuk rujukan penyelidik.

Scopus

Mengindeks jurnal berdasarkan piawaian kualiti yang ditetapkan

www.scopus.com

Journal Citation Reports

Menyenaraikan jurnal ilmiah dan saintifik yang mempunyai nilai *Impact Factor* dan berasaskan penilaian impak sitasi.

www.webofknowledge.com

WEB OF SCIENCE

Menyediakan indeks kepada penerbitan ilmiah dan saintifik dan meliputi 34,000 judul jurnal.

www.webofknowledge.com

CABELLS

Cabells menyenaraikan jurnal berkualiti yang dinamakan *Journal Whitelist* berasaskan penilaian prosedur dan piawaian kualiti.

www2.cabells.com

HARZING.COM

Menyenaraikan jurnal berkualiti berdasarkan penarafan jurnal dari pelbagai sumber.

https://harzing.com/resources/journal-quality-list

DOAJ

Merupakan direktori indeks kepada jurnal akses terbuka berkualiti dan berasaskan penilaian setara.

https://doaj.org/



PENILAIAN KUALITI JURNAL

Penilaian kualiti jurnal amat penting sebelum penyelidik memilih dan memutuskan judul jurnal bersesuaian dengan topik dan bidang penyelidikan serta liputan sasaran pembaca. Penyelidik boleh memanfaatkan pelantar *Journal Finder* yang dibangunkan oleh penerbit bagi menyediakan pilihan judul jurnal bersesuaian dengan kandungan serta orientasi artikel. Selain itu, keupayaan jurnal dalam menjana impak sitasi membantu penyelidik memilih jurnal berimpak dalam bidang khusus.

THINK CHECK SUBMIT

Membantu penyelidik mengenalpasti jurnal dan penerbit berwibawa bagi menyebarluas hasil penyelidikan mereka. Senarai semak yang ditawarkan oleh *Think. Check. Submit* menyenaraikan kriteria penting yang ditawarkan oleh penerbit berimpak dan berwibawa.

THINK

Adakah anda memilih jurnal berkualiti dan dan dipercayai untuk menerbit serta menyebarluas hasil atau penemuan penyelidikan anda?

Tugas menilai dan memilih jurnal yang tepat semakin sofistikated dengan senario berikut:

- Peningkatan bilangan penerbitan artikel
- Peningkatan bilangan jurnal ilmiah
- Kebarangkalian jurnal pemangsa

CHECK SENARAI SEMAK MENENTUKAN KUALITI JURNAL

KANDUNGAN JURNAL

1	Visibiliti Jurnal	Adakah jurnal ini diketahui oleh anda dan rakan-rakan anda?
2	Artikel Jurnal	Adakah anda pernah membaca artikel yang diterbitkan oleh jurnal berkenaan?
3	Judul Jurnal	Adakah judul jurnal unik? Adakah anda mudah keliru dengan judul jurnal berkenaan kerana terdapat judul lain yang hampir sama?
4	ISSN Jurnal	Adakah anda menemui maklumat ISSN jurnal ini di dalam Portal ISSN di https://portal.issn.org/?

CHECK SENARAI SEMAK MENENTUKAN KUALITI JURNAL

PENERBIT		
5	Butiran Penerbit	Adakah anda pernah membaca artikel yang diterbitkan oleh jurnal berkenaan?
6	Laman Web Jurnal	Adakah nama penerbit dipaparkan di dalam laman web jurnal berkenaan?
7	Komunikasi dengan Penerbit	Adakah anda boleh menghubungi penerbit melalui telefon, email atau secara surat menyurat?

CHECK SENARAI SEMAK MENENTUKAN KUALITI JURNAL

KAJIAN SEMULA SETARA

8	Penilai dan Penyunting Artikel	Adakah laman web jurnal menyediakan maklumat mengenai proses kajian semula setara, penilai luar, penilai bebas dan bilangan penilai bagi artikel jurnal?
9	Pakar Bidang dalam Sidang Editor Jurnal	Adakah penerbit menawarkan kajian setara oleh sidang editor yang memiliki kepakaran bidang?
10	Jaminan untuk Menerima Artikel	Adakah penerbit jurnal memberi jaminan mengenai penerimaan artikel dan tempoh proses kajian setara?

CHECK SENARAI SEMAK MENENTUKAN KUALITI JURNAL

PENGINDEKSAN ARTIKEL JURNAL

11	Perkhidmatan Pengindeksan Artikel dan Jurnal	Adakah artikel diindeks dan disimpan (arkib) di dalam mana-mana perkhidmatan pengindeksan?
12	Penawaran Arkib Digital oleh Penerbit	Adakah penerbit menyediakan perkhidmatan arkib dan pemuliharaan jangka masa panjang untuk penerbitan digital?
13	Sumber Pengindeksan	Adakah artikel jurnal diindeks dan ditemukan melalui mana-mana pangkalan data?
14	Penggunaan DOI Kekal	Adakah penerbit menggunakan *Digital Object Identifier* (DOI) kekal?

CHECK SENARAI SEMAK MENENTUKAN KUALITI JURNAL

YURAN

15	Jenis Yuran	Adakah maklumat mengenai yuran dan tujuan yuran dikenakan dinyatakan dengan jelas?
16	Maklumat Bayaran pada Laman Web Jurnal	Adakah maklumat bayaran dan tempoh masa bayaran dikenakan dinyatakan dengan jelas di dalam laman web Jurnal?
17	Maklumat Sokongan Tajaan dan Sokongan Kewangan	Adakah penerbit menyatakan dengan jelas mengenai sebarang sokongan kewangan bagi melaksanakan proses penerbitan?
18	Urusan Bayaran dan Matawang	Adakah penerbit menyatakan dengan jelas matawang yang digunakan dan jumlah bayaran berdasarkan jenis yuran?
19	Pengecualian Yuran	Adakah penerbit menyatakan dengan jelas mengenai sebarang pengecualian yuran di dalam laman web jurnal?

CHECK SENARAI SEMAK MENENTUKAN KUALITI JURNAL

GARIS PANDUAN DAN POLISI PENERBITAN

20	Garis Panduan kepada Pengarang	Adakah penerbit menyediakan maklumat mengenai garis panduan penerbitan untuk rujukan pengarang?
21	Polisi Pelesenan	Bagi jurnal akses terbuka, adakah penerbit mempunyai dasar pelesenan yang jelas? Adakah polisi berkenaan bersesuaian dengan pilihan atau keperluan pengarang?
22	Pengecualian kepada Polisi Pelesenan	Adakah penerbit membenarkan pengecualian kepada mana-mana elemen pelesenan bersesuaian dengan keperluan pengarang?
23	Liputan Polisi Pelesenan	Adakah polisi pelesenan yang lengkap disediakan untuk semua jurnal terbitan penerbit berkenaan?

CHECK SENARAI SEMAK MENENTUKAN KUALITI JURNAL

GARIS PANDUAN DAN POLISI PENERBITAN		
24	Hak Cipta Penulisan	Adakah penerbit membenarkan anda menyimpan dan memiliki hak cipta penulisan anda?
25	Arkib Penerbitan	Bolehkah anda berkongsi dan menyimpan hasil penulisan anda melalui repositori institusi umpamanya? Apakah syarat dan terma yang ditetapkan bagi tujuan ini?
26	Dasar Berkaitan Konflik Kepentingan	Adakah penerbit mempunyai dasar yang jelas mengenai sebarang kebarangkalian dan potensi wujudnya konflik kepentingan di antara pihak pengarang, editor dan penilai?
27	Format Penerbitan	Adakah pengarang dimaklumi mengenai format artikel yang akan diterbitkan? (Contoh: HTML, XML, PDF)

CHECK SENARAI SEMAK MENENTUKAN KUALITI JURNAL

GARIS PANDUAN DAN POLISI PENERBITAN		
	28 Metrik Penerbitan	Adakah penerbit dan jurnal berkenaan menawarkan maklumat mengenai metrik (pengukuran) penggunaan dan rujukan (sitasi) kepada penerbitan?
BADAN KAWALAN KUALITI PENERBITAN		
	29 Inisiatif Industri yang Diiktiraf	Adakah penerbit menganggotai mana-mana inisiatif industri yang diiktiraf?
COPE	30	Adakah penerbit dan jurnal menjadi ahli kepada *Committee on Publication Ethics (COPE)?*
DOAJ	31	Adakah jurnal akses terbuka disenaraikan dalam *Directory of Open Access Journals (DOAJ)?*
OASPA	32	Bagi jurnal akses terbuka, adakah penerbit menjadi ahli kepada *Scholarly Publisher's Association (OASPA)?*

CHECK BADAN KAWALAN KUALITI PENERBITAN

BADAN KAWALAN KUALITI PENERBITAN	
33	Bagi jurnal yang diterbitkan di negara Bangladesh, Nepal, Sri Lanka, Mongolia dan Amerika Tengah, adakah jurnal berkenaan disenaraikan dalam pelantar INASP *Journals Online*?
34	Bagi jurnal yang diterbitkan di Afrika, adakah jurnal berkenaan disenaraikan dalam pelantar *African Journals Online*?
35	Adakah penerbit menjadi ahli kepada mana-mana persatuan perdagangan?

SUBMIT

Jurnal berkualiti sepatutnya mempunyai semua atau sebahagian besar daripada elemen dan kriteria yang ditetapkan. THINK CHECK SUBMIT membantu penyelidik mengenalpasti penerbit dan jurnal berkualiti untuk menyebarluas hasil penyelidikan.

PENUTUP

Industri penerbitan ilmiah berkembang dengan pesat selari dengan perkembangan ekosistem penyelidikan di Universiti. Akses kepada penerbitan ilmiah semakin meluas dengan perkembangan teknologi digital dan maklumat. Kelestarian akses kepada penemuan penyelidik merupakan matlamat utama yang membawa kepada inisiatif penerbitan akses terbuka.

Model penerbitan akses terbuka sedang berkembang pesat dan melalui fasa perubahan dengan fokus mencapai kelestarian. Pelbagai model penerbitan meliputi *Green Open Access, Gold Open Access* dan *Hybrid Open Access* Pendekatan *Article Processing Charges* (APC) dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan dan kapasiti penerbitan ilmiah. Walau bagaimanapun, penerbitan akses terbuka dikaitkan dengan kebarangkalian wujudnya jurnal pemangsa.

Ia juga dihubungkan dengan operasi dan model penerbitan ***Mega Journals*** yang menyumbang kepada keraguan mengenai kualiti penerbitan ilmiah. Keupayaan memenuhi piawaian dan matlamat kajian setara (*peer review*) menjadi perdebatan penyelidik dan pemegang taruh penyelidikan.

Penerbitan akses terbuka menyediakan peluang penerbitan kepada para penyelidik untuk berkongsi hasil penemuan penyelidikan dengan kaedah berkesan. Walau bagaimanapun, ia mewujudkan cabaran mengenai keberkesanan penilaian ke atas kualiti penyelidikan dan penulisan. Terdapat pelbagai inisiatif yang boleh digunakan sebagai panduan kepada penyelidik dalam memilih jurnal berkualiti. Ini meliputi *Directory of Open Access Journals (DOAJ), Cabell's White List* dan *Open Access Scholarly Publishing Association (OASPA).*

RUJUKAN

Bjork, B. C. (2018). Evolution of the scholarly mega-journal, 2006–2017, *PubMed,* Feb 9. 2018 https://doi.org/10.7717/peerj.4357

Dony, C., Raskinet, M., Renaville, F., Simon, S., & Thirion, P. (2020). How Reliable and Useful Is Cabell's Blacklist? A Data-Driven Analysis. Liber Quarterly, 30, 1–38. https://doi.org/10.18352/lq.10339

Grudniewicz, A., et. al *(*2019*).* Predatory journals: no definition, no defence, *Nature,* 576 (7786), 210-212. https://doi.org/10.1038/d41586-019-03759-y

Jinha, A.E. (2010). Article 50 million: an estimate of the number of scholarly articles in existence. *Learned Publishing*, *23*(3), 258–263. https://doi.org/10.1087/20100308

Johnson, R., Watkinson, A., & Mabe, M. (2018). *The STM Report : An overview of scientific and scholarly publishing.* International Association of Scientific, Technical and Medical Publishers. https://www.stm-assoc.org/2018_10_04_STM_Report_2018.pdf

Think. Check. Submit. (2021).Think Check Submit. https://thinkchecksubmit.org/

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra
Universiti Malaysia Perlis

mylibrary.unimap.edu.my
libguides.unimap.edu.my